

DCA rangka standard tentukan tahap psikologi juruterbang

KUALA LUMPUR – Jabatan Penerbangan Awam (DCA) sedang bekerjasama dengan pemeriksa perubatan penerbangan awam dan pakar psikologi untuk merangka soal selidik standard bagi menilai tahap kesihatan mental dan psikologi semua juruterbang di negara ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz Kaprawi berkata, soal selidik itu akan diguna pakai oleh doktor panel pemeriksaan perubatan penerbangan awam untuk membuat oenilaian awal terhadap gangguan emosi ke atas setiap juruterbang.

Katanya, langkah itu bagi mengelak nahas membabitkan pesawat Airbus Germanwings di Perancis pada 24 Mac lalu berulang berikutan juruterbangnya didakwa mengalami kemurungan serius hingga sengaja menghempaskan pesawat tersebut.

‘Apabila soal selidik itu siap dirangka, semua juruterbang di negara ini perlu melalui pemeriksaan kesihatan psikologi menerusi soalan-soalan berkaitan untuk menilai tahap mental mereka.

‘Pada masa ini, sebanyak 3,975 juruterbang di negara ini berdaftar dengan DCA dan 389 orang daripada warga asing.’ Katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Seri Ong Ka Chuan (BN-Tanjung Malim) mengenai langkah kerajaan untuk mengadakan pemeriksaan terhadap juruterbang bagi memastikan mereka berada pada tahap fizikal yang baik serta tidak mengalami gangguan emosi semasa bertugas.

Ab. Aziz berkata, pada masa ini semua juruterbang hanya menjalani ujian kesihatan fizikal mengikut Peraturan Penerbangan 1996 sebanyak sekali setahun bagi mereka berusia 40 tahun ke bawah manakala yang berumur 40 tahun ke atas sebanyak dua kali setahun.

SUMBER: KOSMO | M/S: 10 | 9 Jun 2015